BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

Ref. No.: 10/17/08

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Selasa, 31 Oktober 2017

SOROTAN BULANAN – SEPTEMBER 2017

Inflasi meningkat pada bulan September

- Inflasi keseluruhan meningkat kepada 4.3% (Ogos: 3.7%). Peningkatan ini didorong terutamanya oleh harga bahan api dalam negeri yang lebih tinggi. Purata harga petrol RON95 ialah RM2.19 seliter (Ogos: RM2.12 seliter) dalam keadaan harga minyak ditapis yang lebih tinggi. Harga global minyak ditapis yang lebih tinggi ini mencerminkan kenaikan harga minyak mentah susulan permintaan terpendam terhadap minyak mentah apabila loji penapisan kembali beroperasi selepas Taufan Harvey.
- Walau bagaimanapun, inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, kekal stabil pada 2.4%.

Prestasi ringgit adalah yang terbaik di rantau

- Ringgit menambah nilai berbanding dengan semua mata wang serantau dari 0.3% hingga 3.1% pada bulan September. Penambahan nilai ini disokong oleh aliran masuk bukan pemastautin sebanyak RM5.8 billion ke dalam pasaran bon Kerajaan.
- Pertumbuhan berterusan sektor luaran menyumbang kepada prospek ekonomi Malaysia yang positif, lantas menarik minat pelabur dalam pasaran bon dan pasaran ekuiti. Walau bagaimanapun, perolehan dalam pasaran ekuiti beralih arah menjelang akhir bulan di tengah-tengah jualan asing berikutan perkembangan geopolitik yang tidak menentu.

Pertumbuhan pembiayaan bersih meyokong aktiviti ekonomi

- Pertumbuhan pembiayaan bersih adalah mampan iaitu sebanyak 6.6% pada bulan September (Ogos: 6.6%). Pertumbuhan terbitan terkumpul bersih bon

korporat meningkat kepada 10.9% (Ogos: 9.0%), manakala pertumbuhan pinjaman terkumpul sistem perbankan menurun kepada 5.2% (Ogos: 5.8%).

- Penurunan pertumbuhan pinjaman disebabkan terutamanya oleh sektor perniagaan (September: 5.8%; Ogos: 7.2%), khususnya dalam sektor *perkilangan*; *pembinaan*; serta *perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel*.

Pertumbuhan IPI keseluruhan lebih tinggi pada bulan Ogos disokong oleh aktiviti perlombongan

- IPI keseluruhan mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 6.8% pada bulan Ogos (Julai: 6.1%). Hal ini didorong terutamanya oleh peningkatan yang lebih tinggi dalam pengeluaran sektor perlombongan, meskipun output sektor perkilangan dan elektrik menurun sedikit.
- Penurunan yang sedikit dalam sektor perkilangan ini (7.6%; Julai: 8.0%) disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih perlahan dalam industri berorientasikan eksport.

Mudah tunai mencukupi dalam sistem perbankan

- Mudah tunai dalam sistem perbankan terus menyokong aktiviti pembiayaan bank-bank. Agregat lebihan mudah tunai[1] yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia berjumlah RM189.4 bilion.
- Semua bank turut mengekalkan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai melebihi keperluan[2] pengawalseliaan bagi memenuhi aliran tunai yang tidak dijangka atau kejutan mudah tunai yang buruk.

[1]Mudah Tunai Ringgit Terkumpul yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia termasuk peminjaman pasaran wang, repo, pemegangan sekuriti hutang BNM dan keperluan rizab berkanan.

[2]Keperluan LCR minimum mulai 1 Januari 2017 ialah 80% susulan pelaksanaan secara berperingkat.

Bank Negara Malaysia
31 Oktober 2017


Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
September 2017

Inflasi meningkat pada bulan September

Inflasi Keseluruhan, Teras dan Pengangkutan




Sumber: Bank Negara Malaysia

- Inflasi keseluruhan meningkat kepada 4.3% (Ogos: 3.7%). Peningkatan ini didorong terutamanya oleh harga bahan api dalam negeri yang lebih tinggi. Purata harga petrol RON95 ialah RM2.19 seliter (Ogos: RM2.12 seliter) dalam keadaan harga minyak ditapis yang lebih tinggi. Harga global minyak ditapis yang lebih tinggi ini mencerminkan kenaikan harga minyak mentah susulan permintaan terpendam terhadap minyak mentah apabila loji penapisan kembali beroperasi selepas Taufan Harvey.

- Walau bagaimanapun, inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras, kekal stabil pada 2.4%.

Prestasi ringgit adalah yang terbaik di rantau

Aliran Portfolio Bukan Pemastautin Mengikut Instrumen



Nota: Bon Kerajaan termasuk Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS), Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) dan Sukuk Perumahan Kerajaan (SPK)

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia

- Ringgit menambah nilai berbanding dengan semua mata wang serantau dari 0.3% hingga 3.1% pada bulan September. Penambahan nilai ini disokong oleh aliran masuk bukan pemastautin sebanyak RM5.8 billion ke dalam pasaran bon Kerajaan.


- Pertumbuhan berterusan sektor luaran menyumbang kepada prospek ekonomi Malaysia yang positif, lantas menarik minat pelabur dalam pasaran bon dan pasaran ekuiti. Walau bagaimanapun, perolehan dalam pasaran ekuiti beralih arah menjelang akhir bulan di tengah-tengah jualan asing berikutan perkembangan geopolitik yang tidak menentu.

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
September 2017

Pertumbuhan pembiayaan bersih meyokong aktiviti ekonomi

Pembiayaan Bersih Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan Bon Korporat




Sumber: Bank Negara Malaysia

- Pertumbuhan pembiayaan bersih adalah mampan iaitu sebanyak 6.6% pada bulan September (Ogos: 6.6%). Pertumbuhan terbitan terkumpul bersih bon korporat meningkat kepada 10.9% (Ogos: 9.0%), manakala pertumbuhan pinjaman terkumpul sistem perbankan menurun kepada 5.2% (Ogos: 5.8%).
- Penurunan pertumbuhan pinjaman disebabkan terutamanya oleh sektor perniagaan (September: 5.8%; Ogos: 7.2%), khususnya dalam sektor *perkilangan*; *pembinaan*; serta *perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel*.

Pertumbuhan IPI keseluruhan lebih tinggi pada bulan Ogos disokong oleh aktiviti perlombongan

Sumbangan kepada IPI Keseluruhan




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

- IPI keseluruhan mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 6.8% pada bulan Ogos (Julai: 6.1%). Hal ini didorong terutamanya oleh peningkatan yang lebih tinggi dalam pengeluaran sektor perlombongan, meskipun output sektor perkilangan dan elektrik menurun sedikit.
- Penurunan yang sedikit dalam sektor perkilangan ini (7.6%; Julai: 8.0%) disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang lebih perlahan dalam industri berorientasikan eksport.

Mudah tunai mencukupi dalam sistem perbankan

Nisbah Perlindungan Mudah Tunai



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Mudah tunai dalam sistem perbankan terus menyokong aktiviti pembiayaan bank-bank. Agregat lebihan mudah tunai[1] yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia berjumlah RM189.4 bilion.
- Semua bank turut mengekalkan Nisbah Perlindungan Mudah Tunai melebihi keperluan[2] pengawalseliaan bagi memenuhi aliran tunai yang tidak dijangka atau kejutan mudah tunai yang buruk.

[1] Mudah Tunai Ringgit Terkumpul yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia termasuk peminjaman pasaran wang, repo, pemegangan sekuriti hutang BNM dan keperluan rizab berkanan.

[2] Keperluan LCR minimum mulai 1 Januari 2017 ialah 80% susulan pelaksanaan secara berperingkat.